

SIARAN MEDIA

27 KONTRAK PROJEK MRT DIANUGERAHKAN KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA

Agenda Bumiputera MRT Corp menepati sasaran dengan 48%

Kuala Lumpur, 11 Mei 2015: Sebanyak 27 kontrak bagi Projek MRT yang bernilai RM11 juta telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera di sesi pengundian yang dianjurkan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) hari ini.

Kontrak-kontrak ini telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera dari Gred G1 hingga G4 oleh pelbagai Kontraktor Pakej Kerja yang mengendalikan pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang. Pecahan bagi setiap gred adalah seperti yang dilampirkan.

Kontraktor yang berjaya di sesi pengundian hari ini telah dipilih daripada 257 kontraktor yang telah disenarai pendek dan hadir pada hari ini.

Kontraktor di bawah Gred G1 layak mendapat kontrak sehingga nilai RM200, 000, manakala kontraktor dalam Gred G2 layak untuk kontrak bernilai antara RM200,001 dan RM500 ,000. Kontraktor Gred G3 layak untuk kontrak bernilai antara RM500,001 dan RM1 juta manakala di Gred G4 layak mendapat kontrak bernilai antara RM1,000,001 dan RM3 juta.

Gred ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Sesi pengundian Kontraktor Bumiputera ini merupakan sesi pengundian keempat yang telah diadakan di bawah Projek MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang, dan yang pertama di bawah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar.

Semasa berucap di sesi pengundian tersebut, Shahril berkata beliau gembira akan tahap penyertaan Bumiputera dalam Projek MRT yang berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan.

"Saya gembira untuk mengumumkan bahawa setakat ini, 48% daripada nilai kontrak Projek MRT telah diberikan kepada kontraktor Bumiputera, menjangkau sasaran 43% yang ditetapkan oleh kerajaan,"katanya.



Beliau berkata, Agenda Bumiputera Projek MRT telah dilaksanakan dengan lancar dan selain syarikat-syarikat pembinaan Bumiputera yang besar, kontraktor Bumiputera yang lebih kecil juga telah mendapat manfaat daripada program ini.

"Sebelum ini, sebanyak 145 kontrak bernilai RM95 juta telah diberikan kepada kontraktor Bumiputera dari Gred G1 hingga G4. Kami mempunyai 105 kontrak lain bernilai RM105 juta, termasuk 27 kontrak hari ini yang bernilai RM11 juta," katanya.

Shahril berkata Agenda Bumiputera Projek MRT juga diperluaskan kepada graduan baru yang mengambil bahagian dalam Program Keusahawanan Graduan Muda Projek MRT.

"Empat belas syarikat baru kini telah dibentuk oleh para peserta program ini dan syarikat-syarikat ini telah berjaya dianugerahkan kontrak oleh Kontraktor Pakej Kerja Projek MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang," katanya.

Beliau juga berkata ramai kontraktor Bumiputera yang sebelum ini dianugerahkan kontrak berdasarkan platform Agenda Bumiputera kini telah berjaya dianugerahkan kontrak baru daripada mereka Kontraktor Pakej Kerja secara langsung.

"Ini adalah bukti bahawa penyertaan dalam Agenda Bumiputera Projek MRT membuka pintu bagi peluang pada masa akan datang," katanya.

Mengucapkan tahniah kepada kontraktor yang berjaya dari sesi pengundian hari ini, Shahril mengingatkan kontraktor Bumiputera supaya tidak leka.

"Anda perlu terus bekerja keras untuk membolehkan diri anda berdiri tanpa sokongan Projek MRT," kata beliau.

SENARAI KONTRAKTOR YANG BERJAYA DI SESI PENGUNDIAN HARI INI

Jajaran Bertingkat Pakej V4 Sunway Construction Sdn Bhd			
No	Syarikat	Jenis Kerja	Gred CIDB
1.	Pembinaan Tripadu	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Pembentukan di Seksyen 16	G1
2.	Wallaq Wira Enterprise	Membina dan Menyiapkan Perhentian Bas di Seksyen 16	G1
3.	Art Construction	Membina dan Menyiapkan Perhentian Bas di Pusat Bandar Damansara	G1
4.	AZ Meranti Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Paip Air di Pusat Bandar Damansara	G1
5.	Alam Bina Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Jalan di Semantan	G1
6.	NRA Construction	Membina dan Menyiapkan Perhentian Bas di Semantan	G1
7.	Anger Klakon Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Dinding Penahan di Semantan	G1
8.	Sri Utama Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Longkang di Seksyen 16 (Pakej A)	G2
9.	Hikmah Builders Construction	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Longkang di Seksyen 16 (Pakej B)	G2
10.	Harqut Engineering	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Paip Air di Seksyen 16	G2
11.	Narom Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Jalan di Pusat Bandar Damansara	G2
12.	Sutratika Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Longkang di Pusat Bandar Damansara	G2
13.	Razen Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Pembentukan di Pusat Bandar Damansara	G2
14.	Ehsan Setia Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-	G2

		kerja Longkang di Semantan	
15.	Mulia Mutiara	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Pembentungan di Semantan	G2
16.	Fanili Trading	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Paip Air di Semantan	G2
17.	Pembinaan TH Jaya	Membina dan Menyiapkan Perhentian Teksi di Semantan	G2
18.	Perniagaan Seras Sdn Bhd	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Landskap Keras di Semantan	G3
19.	Nukud Enterprise	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Jalan di Seksyen 16	G3
20.	Silver Nine Sdn Bhd	Membina dan Menyiapkan Perhentian Teksi di Seksyen 16	G3
21.			
22.	NLS Hitech Niaga	Membina dan Menyiapkan Perhentian Teksi di Pusat Bandar Damansara	G3
23.	Kubang Wang Corp	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Dinding Penahan di Pusat Bandar Damansara	G3
24.	Syarikat Bah Udy Construction	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Landskap Keras di Seksyen 16	G4
25.	One Short Engineering	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Landskap Keras di Pusat Bandar Damansara	G4
Jajaran Bertingkat V2			
Gadang Engineering (M) Sdn Bhd			
26.	Tech Construction	Membekal dan Memasang Papan Tanda Trafik dan Jalan	G1
27.	Ace Maju Enterprise	Membekal dan Memasang Susur Tangan Keluli Tahan Karat & Tiang Bendera di Stesen One Utama	G2
28.	Hamazcorp Sdn Bhd	Membekal dan Memasang 'New Jersey Barrier	G4

TAMAT



Bagi sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my